

ARAHAN 15/2020

DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 27 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 21 Mei 2020,
 - 1.1. Dengan mengambilkira keadaan wabak COVID-19 di negara ini adalah terkawal pada masa ini, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi garis panduan Kementerian Kesihatan berkenaan dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun ini seperti berikut:
 - i) Sambutan Hari Raya hanya diadakan dengan ahli keluarga terdekat iaitu anak menziarahi ibubapa atau adik-beradik sahaja.
 - ii) Keluarga yang besar hendaklah memastikan garis panduan perkumpulan ramai dipatuhi iaitu hanya menghadkan kepada 20-30 orang sahaja pada satu-satu masa mengikut kesesuaian keluasan rumah berkenaan.
 - iii) Kunjungan ke rumah ibubapa atau adik-beradik hendaklah dijadualkan dengan teratur seperti tidak

datang serentak, datang secara bergilir-gilir dan hubungi ibubapa atau adik-beradik terlebih dahulu sebelum mengunjungi rumah mereka.

- iv) Orang ramai adalah tidak dibenarkan mengadakan majlis “Rumah Terbuka” atau majlis-majlis serupa. Ini termasuk mengadakan ofis terbuka (*open office*) di tempat kerja.
- v) Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau merasa tidak sihat adalah ditegah untuk menziarahi ataupun diziarahi oleh keluarga terdekat.
- vi) Amalan bersalaman dengan berjabat tangan dan berpelukan hendaklah dielakkan; memadai dengan memberikan isyarat salam dengan meletakkan tangan di atas dada, memberikan senyuman atau menganggukkan kepala sebagai tanda hormat dan salam. Elakkan sedaya upaya dari menyentuh atau membuat kontak fizikal dengan orang lain.
- vii) Pastikan kebersihan peribadi dan persekitaran sentiasa bersih dan terjaga terutama sekali kebersihan tangan.
- viii) Amalkan etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa.

- ix) Elakkan daripada berkongsi peralatan makan dan minum seperti sudu, garpu, piring dan cawan.
 - x) Pastikan juadah hari raya yang disediakan bagi ahli keluarga terdekat adalah hidangan yang sihat dan bersih. Kurangkan pengambilan juadah yang manis, masin dan berlemak. Tingkatkan sistem imuniti badan dengan makanan yang berkhasiat dan air kosong sebagai pilihan utama.
2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggag 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441
18 Jun 2020